KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(*Ministry of Health Malaysia*)
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
(Pharmaceutical Services Division)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7841 3200 / 03 - 7841 3320
No. Faksimili : 03 - 7968 2222
Portal Rasmi : http://www.pharmacy.gov.my

Ruj. Kami : KKM. 500-2/21/13 Jld. 4 (31)

Tarikh : 22 Disember 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEMBERITAHUAN PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 2017

PANDUAN DAN KRITERIA PENEMPATAN / PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, pelaksanaan urusan penempatan dan pertukaran pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 5 Januari 2012 – Panduan Penempatan dan Pertukaran Pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Bagi memantapkan lagi urusan penempatan dan pertukaran khususnya bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Farmasi di KKM, Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran Pegawai Farmasi KKM Bil. 4/2017 yang telah bersidang pada 7 Disember 2017 bersetuju untuk menggunapakai Panduan dan Kriteria Penempatan / Pertukaran Pegawai Farmasi di KKM yang telah ditambah baik seperti dilampirkan bersama-sama Surat Pemberitahuan ini.

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pemberitahuan ini, maka Surat Pemberitahuan berikut adalah dibatalkan:

(i) Surat Pemberitahuan – Kriteria Kelulusan Penempatan / Pertukaran Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 28 Mac 2016 yang telah dipersetujui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran Pegawai Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2015; dan

(ii) Surat Pemberitahuan Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2017 bertarikh 13 Februari 2017 – Permohonan Pertukaran Dalaman Pegawai Farmasi Gred UF48 hingga Gred UF54 di Jabatan Kesihatan Negeri .

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam memastikan perkara ini disampaikan kepada semua Pegawai Farmasi di semua fasiliti KKM yang berkaitan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(**DR. SALMAH BINTI BAHRI**) **RPh. 783**
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
SAB/*msmn*
✉ siti.aisah@moh.gov.my/mohdshahril_mn@moh.gov.my
☎ +603 - 7841 3271 / 3233
🖷 +603 - 7968 2222

s.k. :

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Ibu Pejabat KKM

Program Perkhidmatan Farmasi

1. Pejabat Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
2. Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara
3. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
4. Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
5. Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
6. Pengarah Lembaga Farmasi Malaysia

Program Perubatan

7. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
8. Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
   Melalui : TKPK (Perubatan)

Program Kesihatan Awam

9. Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
   Melalui : TKPK (Kesihatan Awam)

Program Penyelidikan & Sokongan Teknikal

10. Pengarah Bahagian Perancangan
    Melalui : TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Program Pengurusan

11. Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastaan
    Melalui : TKSU (Kewangan)

Jabatan Kesihatan Negeri

12. **Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)**
    Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri

Institusi

13. **Pengarah Hospital Kuala Lumpur**
    [u.p. Ketua Jabatan Farmasi]
14. **Pengarah Institut Kanser Negara**
    [u.p. Ketua Jabatan Farmasi]
15. **Pengarah Institut Perubatan Respiratori**
16. **Pengarah Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan**
17. **Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan**
18. **Pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan**
19. **Pengarah Pusat Darah Negara**

Institusi Latihan

20. **Pengarah Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah, Perak**

[PUF/V01-12/2017]

PANDUAN DAN KRITERIA
PENEMPATAN / PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEMBER 2017

KANDUNGAN

PERKARA **MUKA SURAT**

KANDUNGAN..... i

TUJUAN..... 1

LATAR BELAKANG..... 1

PENEMPATAN PEGAWAI FARMASI..... 2

Penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Tetap)..... 2

Penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Kontrak)..... 2

Penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Tempoh Cuti Belajar..... 2

PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI..... 3

Pertukaran Pegawai Farmasi Atas Arahan..... 3

Arahan Pertukaran oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (Ketua Program)..... 3

Arahan Pertukaran oleh Pengarah Bahagian..... 3

Arahan Pertukaran oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)..... 3

Pertukaran Pegawai Farmasi Atas Permohonan Sendiri..... 4

Permohonan Pertukaran Pegawai Farmasi ke Luar JKN/Institusi..... 4

Permohonan Pertukaran Pegawai Farmasi Antara Fasiliti di Dalam JKN..... 4

KRITERIA PERMOHONAN PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI..... 5

Kriteria untuk Menyokong dan Memperaku Permohonan Pertukaran oleh Ketua Jabatan..... 5

Kriteria untuk Meluluskan Permohonan Pertukaran oleh JKPP Pegawai Farmasi..... 5

TEMPOH PEMAKLUMAN BAGI KEPUTUSAN PENEMPATAN / PERTUKARAN..... 7

LAMPIRAN..... 8

PANDUAN DAN KRITERIA PENEMPATAN / PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Panduan dan kriteria penempatan/pertukaran ini merupakan penambahbaikan pelaksanaan urusan penempatan/pertukaran sedia ada khususnya bagi Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, pelaksanaan urusan penempatan dan pertukaran pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berdasarkan kepada:

(i) Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 5 Januari 2012 – Panduan Penempatan dan Pertukaran Pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia;

(ii) Surat Pemberitahuan Bahagian Sumber Manusia Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2014 bertarikh 5 Mei 2014 – Penambahbaikan Urusan Pertukaran/Penempatan di Kementerian Kesihatan Malaysia; dan

(iii) Surat Pemberitahuan Bahagian Sumber Manusia Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015 bertarikh 17 November 2015 – Pematuhan Kepada Arahan Penempatan dan Pertukaran Serta Arahan Melapor Diri Bertugas.

3. Disamping itu, pelaksanaan urusan pertukaran sedia ada bagi Pegawai Farmasi di KKM juga adalah berpandukan kepada:

(i) Surat Pemberitahuan – Kriteria Kelulusan Penempatan/Pertukaran Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 28 Mac 2016 yang telah dipersetujui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran Pegawai Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2015; dan

(ii) Surat Pemberitahuan Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2017 bertarikh 13 Februari 2017 – Permohonan Pertukaran Dalaman Pegawai Farmasi Gred UF48 hingga Gred UF54 di Jabatan Kesihatan Negeri .

PENEMPATAN PEGAWAI FARMASI

Penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Tetap)

4. Pelaksanaan penempatan bagi Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Tetap) adalah merujuk kepada peraturan di para 12 hingga 19 seperti dalam Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 5 Januari 2012 – Panduan Penempatan dan Pertukaran Pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia dan dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM), KKM.

5. Walau bagaimanapun, penambahbaikan prosedur rayuan penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Tetap) adalah seperti berikut:

(i) Rayuan penempatan adalah **sekali sahaja** dan **keputusan adalah muktamad**;

(ii) Tempoh rayuan adalah seperti tarikh yang ditetapkan oleh BSM KKM **semasa pemakluman penempatan di Portal Rasmi KKM** (www.moh.gov.my); dan

(iii) Rayuan perlu dikemukakan kepada BSM KKM melalui Ketua Jabatan & Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) [TPKN(F)] dan disalinkan ke JKN baharu dan lama. Rayuan yang tidak melalui Ketua Jabatan & TPKN(F) tidak akan dipertimbangkan.

Penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Kontrak)

6. Pelaksanaan penempatan bagi Pegawai Farmasi Selepas Tamat Latihan Siswazah (Lantikan Kontrak) adalah merujuk kepada Panduan Penempatan Selepas Tamat Latihan Siswazah bagi Pegawai Farmasi (Lantikan Kontrak) di Kementerian Kesihatan Malaysia versi terkini.

Penempatan Pegawai Farmasi Selepas Tamat Tempoh Cuti Belajar

7. Pegawai Farmasi yang melapor diri selepas tamat tempoh cuti belajar akan ditempatkan ke fasiliti KKM yang bersesuaian berdasarkan kepada:

(i) Bidang kepakaran yang diambil oleh pegawai semasa cuti belajar; dan

(ii) Kepentingan perkhidmatan.

8. Keputusan penempatan adalah muktamad dan pegawai perlu melapor diri mengikut tarikh yang diarahkan oleh BSM KKM.

PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI

Pertukaran Pegawai Farmasi Atas Arahan

Arahan Pertukaran oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (Ketua Program)

9. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (Ketua Program) boleh melaksanakan arahan pertukaran Pegawai Farmasi berdasarkan kesesuaian/kompetensi pegawai atas kepentingan perkhidmatan ke mana-mana fasiliti KKM.

10. Cadangan pertukaran Pegawai Farmasi atas arahan Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran (JKPP) Pegawai Farmasi di peringkat KKM.

Arahan Pertukaran oleh Pengarah Bahagian

11. Pengarah Bahagian di peringkat Ibu Pejabat KKM boleh mencadangkan arahan pertukaran Pegawai Farmasi berdasarkan kesesuaian/kompetensi pegawai atas kepentingan perkhidmatan ke mana-mana fasiliti KKM.

12. Cadangan pertukaran Pegawai Farmasi atas arahan perlu dihantar kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi melalui kertas pertimbangan seperti di **Lampiran A** untuk kelulusan sebelum dimaklumkan dalam Mesyuarat JKPP Pegawai Farmasi di peringkat KKM.

Arahan Pertukaran oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

13. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) boleh melaksanakan arahan pertukaran Pegawai Farmasi berdasarkan kesesuaian/kompetensi pegawai atas kepentingan perkhidmatan ke mana-mana fasiliti di bawah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang sama.

14. Cadangan pertukaran atas arahan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) bagi Pegawai Farmasi Gred UF41 dan Gred UF44 perlu dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan JKPP Pegawai Farmasi di peringkat JKN. Senarai nama pegawai yang terlibat dengan pertukaran atas arahan perlu dikemukakan kepada BSM KKM dan salinan kepada Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi (BDPSF), KKM selewat-lewatnya sebelum atau pada **7hb setiap bulan** menggunakan format seperti di **Lampiran B**.

15. Bagi Pegawai Farmasi Gred UF48 hingga Gred UF54, cadangan pertukaran atas arahan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) yang telah dipertimbangkan oleh JKPP Pegawai Farmasi di peringkat JKN perlu dihantar kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi melalui kertas pertimbangan seperti di **Lampiran A** untuk

kelulusan sebelum dimaklumkan dalam Mesyuarat JKPP Pegawai Farmasi di peringkat KKM.

Pertukaran Pegawai Farmasi Atas Permohonan Sendiri

Permohonan Pertukaran Pegawai Farmasi ke Luar JKN/Institusi

16. Pegawai Farmasi boleh memohon pertukaran ke luar JKN/Institusi setelah memenuhi syarat seperti berikut:

(i) Telah berkhidmat selama tiga (3) tahun bagi pegawai yang ditempatkan di Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan DAN tidak tertakluk kepada tempoh perkhidmatan di fasiliti terkini; atau

(ii) Telah berkhidmat selama satu (1) tahun bagi pegawai yang ditempatkan di Semenanjung Malaysia DAN telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun di fasiliti terkini.

17. Permohonan pertukaran ke luar JKN/Institusi oleh Pegawai Farmasi semua gred dipertimbangkan melalui Mesyuarat JKPP Pegawai Farmasi di peringkat KKM.

Permohonan Pertukaran Pegawai Farmasi Antara Fasiliti di Dalam JKN

18. Pegawai Farmasi boleh memohon pertukaran antara fasiliti di dalam JKN yang sama setelah memenuhi syarat iaitu telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun di fasiliti terkini.

19. Permohonan pertukaran Pegawai Farmasi Gred UF41 dan Gred UF44 di dalam JKN yang sama perlu dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan JKPP Pegawai Farmasi di peringkat JKN. Senarai nama pegawai yang diluluskan pertukaran atas permohonan sendiri perlu dikemukakan kepada BSM KKM dan salinan kepada BDPSF KKM selewat-lewatnya sebelum atau pada **7hb setiap bulan** menggunakan format seperti di **Lampiran B**.

20. Bagi Pegawai Farmasi Gred UF48 hingga Gred UF54, cadangan pertukaran atas permohonan sendiri yang telah dipertimbangkan oleh JKPP Pegawai Farmasi di peringkat JKN **dan diluluskan sahaja** perlu dihantar kepada Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi melalui kertas pertimbangan seperti di **Lampiran A** untuk kelulusan sebelum dimaklumkan dalam Mesyuarat JKPP Pegawai Farmasi di peringkat KKM.

KRITERIA PERMOHONAN PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI

Kriteria untuk Menyokong dan Memperaku Permohonan Pertukaran oleh Ketua Jabatan

21. Sebelum **menyokong dan memperaku** sebarang permohonan pertukaran Pegawai Farmasi, Ketua Jabatan dan/atau Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) **perlu memastikan pegawai telah melepasi kriteria yang ditetapkan** seperti berikut:

(i) Telah cukup tempoh perkhidmatan seperti dinyatakan di para 16 atau para 18; DAN

(ii) Sijil nikah/daftar perkahwinan dan surat pengesahan majikan pasangan disertakan bagi alasan mengikut pasangan; ATAU

(iii) Pengesahan daripada pegawai perubatan yang merawat pegawai/keluarga disertakan bagi alasan masalah kesihatan pegawai/keluarga; ATAU

(iv) Sesalinan laporan polis disertakan bagi alasan ancaman keselamatan.

22. Ketua Jabatan dan/atau Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) tidak perlu mengemukakan permohonan pertukaran pegawai kepada BSM KKM sekiranya tidak menyokong dan memperaku permohonan, sebaliknya perlu memaklumkan keputusan tersebut kepada pegawai.

23. Bagi pegawai yang belum melepasi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan [para 21 (i)], permohonan pertukaran boleh dikemukakan kepada BSM KKM berdasarkan kes-kes tertentu, seperti faktor kesihatan pegawai dan ancaman keselamatan di mana tindakan susulan yang dilaksanakan di peringkat Ketua Jabatan dan JKN tidak lagi berkesan.

Kriteria untuk Meluluskan Permohonan Pertukaran oleh JKPP Pegawai Farmasi

24. JKPP Pegawai Farmasi KKM mempertimbangkan permohonan pertukaran Pegawai Farmasi berdasarkan kepada asas pertimbangan dan kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

(i) **Tempoh Perkhidmatan**
Telah melepasi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan seperti dinyatakan di para 16 atau para 18. Keutamaan akan diberi kepada pegawai yang telah berkhidmat lebih lama di negeri/institusi terkini dalam senarai pertukaran.

(ii) **Mengikut Pasangan**
Dokumen sokongan iaitu sijil nikah/daftar perkahwinan dan surat pengesahan majikan pasangan disertakan bersama borang permohonan.

(iii) **Kesihatan Pegawai/Keluarga**
Dokumen sokongan iaitu pengesahan daripada pegawai perubatan yang merawat pegawai/keluarga disertakan bersama borang permohonan. Keutamaan akan diberikan kepada pegawai sendiri yang mempunyai masalah kesihatan.

(iv) **Ancaman Keselamatan**
Dokumen sokongan iaitu salinan laporan polis disertakan bersama borang permohonan.

(v) **Pengalaman dan Kepakaran Pegawai**
Pegawai yang mempunyai pengalaman dan kepakaran tertentu yang diperlukan diberi keutamaan untuk diluluskan permohonan pertukaran ke Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat KKM dan institusi seperti Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan.

(vi) **Kekosongan Jawatan**
Sebarang kelulusan pertukaran adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan di tempat yang dipohon.

(vii) **Kepentingan Perkhidmatan**
Pertimbangan permohonan pertukaran adalah berdasarkan kepada kepentingan perkhidmatan.

25. Bagi pegawai yang belum melepasi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan [para 24 (i)], permohonan pertukaran boleh dipertimbangkan demi kepentingan perkhidmatan bagi kes-kes tertentu seperti faktor kesihatan pegawai dan ancaman keselamatan di mana tindakan susulan yang dilaksanakan di peringkat Ketua Jabatan dan JKN tidak lagi berkesan.

26. Tiada rayuan pertukaran dibenarkan selepas pemakluman keputusan dikeluarkan oleh BSM KKM melalui Portal Rasmi KKM. Permohonan pertukaran yang ditangguhkan akan dipertimbangkan semula dalam Mesyuarat JKPP Pegawai Farmasi KKM seterusnya selagi permohonan masih sah bagi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh permohonan.

TEMPOH PEMAKLUMAN BAGI KEPUTUSAN PENEMPATAN / PERTUKARAN

27. Tempoh pemakluman bagi keputusan penempatan/pertukaran Pegawai Farmasi adalah seperti berikut:

(i) Bagi pertukaran dalaman JKN, tarikh kuat kuasa melapor diri bertugas adalah sekurang-kurangnya tiga (3) minggu selepas mesyuarat bersidang; dan

(ii) Bagi pertukaran antara JKN/Institusi, tarikh kuat kuasa melapor diri bertugas adalah sekurang-kurangnya empat (4) minggu selepas mesyuarat bersidang.

28. Walau apapun ketetapan di para 27 (i) dan para 27 (ii), JKPP Pegawai Farmasi KKM boleh memutuskan tarikh kuat kuasa melapor diri lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan atas kepentingan perkhidmatan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

KERTAS PERTIMBANGAN PERTUKARAN PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BIL.	NAMA PEGAWAI & NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN & GRED	PENEMPATAN ASAL	PENEMPATAN BAHARU	JUSTIFIKASI PERTUKARAN*	CADANGAN TARIKH KUAT KUASA PERTUKARAN

**Nyatakan sama ada pertukaran adalah atas arahan / atas permohonan sendiri oleh pegawai (jika berkaitan)*

Disediakan Oleh:

.....

(NAMA PENUH)

Tarikh :

Cop Rasmi :

Disahkan Oleh:
Pengarah Bahagian /
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

.....

(NAMA PENUH)

Tarikh :

Cop Rasmi :

LAMPIRAN B

SENARAI NAMA PEGAWAI FARMASI GRED UF41/UF44 YANG TERLIBAT DENGAN PERTUKARAN DALAMAN DI JABATAN KESIHATAN NEGERI

BIL.	NAMA PEGAWAI & NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN & GRED	PENEMPATAN ASAL	PENEMPATAN BAHARU	TARIKH KUAT KUASA PERTUKARAN

Disediakan Oleh:

.....

(NAMA PENUH)

Tarikh :

Cop Rasmi :

Disahkan Oleh:

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

.....

(NAMA PENUH)

Tarikh :

Cop Rasmi :